

Malaysia harap pelaburan Jepun di MSC terus meningkat

PUTRAJAYA 10 JAN. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia berharap jumlah pelaburan syarikat-syarikat Jepun di dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih baik.

Perdana Menteri berkata, syarikat Jepun merupakan sumber pelaburan langsung asing (FDI) yang penting kepada Malaysia tetapi penglibatan mereka di dalam penyelidikan dan pembangunan yang berpusat di MSC masih rendah.

“Jepun kekal sebagai pelabur asing kedua terbesar selepas Amerika Syarikat dengan sejumlah 134 projek bernilai RM3.05 bilion diluluskan antara Januari hingga Oktober tahun lalu.

“Bagaimanapun, penglibatan syarikat Jepun di dalam MSC, pusat R&D teknologi maklumat, masih rendah dan kami harap jumlahnya akan bertambah baik,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada majlis makan malam rasmi sempena lawatan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi, di Seri Perdana malam ini.

Menurut Perdana Menteri, Jepun juga merupakan rakan perdagangan kedua penting dengan mewakili kira-kira 17 peratus dari jumlah perdagangan global Malaysia.

“Tahun lalu, 21 peratus dari import Malaysia datang dari Jepun dan 13 peratus daripada eksport kami pergi ke Jepun.

“Oleh itu kami berharap lebih banyak barangan Malaysia dapat memasuki pasaran Jepun,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia masih yakin dasar ‘Pandang Ke Timur’ untuk meniru kejayaan Jepun yang dilancarkan pada tahun 1982 masih relevan dengan keadaan semasa.

“Sejak tahun itu, lebih 13,000 rakyat Malaysia telah memperoleh pendidikan tinggi serta latihan tinggi di bawah dasar tersebut.

“Kami percaya Jepun akan lebih bersedia untuk menyediakan tempat kepada pelajar dan pelatib dari Malaysia di universiti dan institusi teknikal pada masa hadapan,” ujar Perdana Menteri.